



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2012

Aktiviti Jabatan/Agenzi Dan
Pengurusan Syarikat Kerajaan
NEGERI PERLIS

SIRI 2





LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2012

Aktiviti Jabatan/Agensi
Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan
NEGERI PERLIS

SIRI 2

**JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA**



KANDUNGAN

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KATA PENDAHULUAN	vii
INTISARI LAPORAN	xi
AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI	
UNIT PENTADBIRAN DAERAH	3
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI	
Pengurusan Rancangan/Projek Kecil	
YAYASAN ISLAM PERLIS	16
Karun Mestika Sdn. Bhd.	
PENUTUP	29



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106, Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Negeri. Suatu Perintah yang dinamakan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2004 (Pindaan 2009) dengan perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk menjalankan pengauditan terhadap syarikat-syarikat Kerajaan Negeri. Manakala Perkara 107, Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporan hasil pengauditan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Perlis. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan Laporan Ketua Audit Negara untuk dibentangkan di Parlimen manakala Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Perlis menitahkan untuk membentangkan Laporan Ketua Audit Negara di Dewan Undangan Negeri Perlis.
2. Jabatan Audit Negara mulai tahun 2013 telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan 4 inisiatif di bawah GTP2.0: NKRA Antirasuah. Salah satu daripada inisiatif tersebut ialah mengemukakan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri untuk dibentangkan di Parlimen/Dewan Undangan Negeri setiap kali sesi Parlimen/Dewan Undangan Negeri bersidang supaya ia dapat diakses dengan segera oleh rakyat selaras dengan kehendak Kerajaan bagi menjayakan agenda Program Transformasi Kerajaan bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015. Saya berharap laporan mengenai pelaksanaan Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Perlis Tahun 2012 Siri 2 ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan dan meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat sepetimana hasrat Kerajaan.
3. Pengauditan terhadap aktiviti Jabatan/Agensi Negeri adalah untuk menilai sama ada program dan aktiviti yang dirancang telah dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, tiada pembaziran dan mencapai matlamatnya. Manakala pengauditan terhadap pengurusan syarikat adalah untuk menilai sama ada prestasi kewangan sesebuah syarikat adalah baik, pengurusan aktiviti dan kewangan syarikat serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur dan selaras dengan peraturan yang ditetapkan serta mencapai objektif penubuhannya.
4. Sebanyak 2 aktiviti dan satu pengurusan syarikat telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Negeri Perlis Tahun 2012 Siri 1. Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012 Siri 2 ini pula melaporkan sebanyak satu lagi aktiviti dan satu pengurusan syarikat iaitu

Pengurusan Rancangan/Projek Kecil serta pengurusan syarikat subsidiari Yayasan Islam Perlis iaitu Karun Mestika Sdn. Bhd.. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Hanya penemuan Audit yang penting sahaja yang dilaporkan dalam Laporan ini. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 6 syor untuk diambil tindakan Ketua Jabatan/Agensi dan pihak pengurusan Syarikat berkenaan.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Perlis yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
26 Jun 2013



INTISARI LAPORAN

INTISARI LAPORAN

AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

1. UNIT PENTADBIRAN DAERAH

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI

- Pengurusan Rancangan/Projek Kecil

1.1. Unit Pentadbiran Daerah (UPD) merupakan Unit di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis dan bertanggungjawab untuk mewujudkan kesejahteraan rakyat, memperkuatkan perpaduan masyarakat, menjamin keselamatan dan menjadi saluran antara Kerajaan dan rakyat. UPD juga bertanggungjawab untuk merancang, menyelaras, menilai, melaksana dan mengawas projek-projek kecil. Rancangan/projek kecil merupakan projek kecil infrastruktur awam bagi sesebuah kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) berdasarkan permohonan daripada setiap kawasan menggunakan peruntukan pembangunan tahunan. Objektif projek adalah untuk memastikan pembangunan sosioekonomi yang berterusan di setiap kawasan DUN.

1.2. Permohonan rancangan/projek kecil dibuat oleh Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung (JKKK) dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) kepada UPD. Pemilihan projek bergantung kepada keperluan penduduk manakala pemilihan kontraktor dilaksanakan secara lantikan terus memandangkan nilai perolehan projek adalah di bawah RM20,000. Bagaimanapun tiada kriteria khusus ditetapkan bagi pemilihan projek yang perlu dilaksanakan.

1.3. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Disember 2012 hingga Mac 2013 mendapati pada keseluruhannya, pengurusan rancangan/projek kecil adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dikenal pasti yang memerlukan perhatian pihak UPD. Antara kelemahan yang diperhatikan ialah:

- Kerja tidak dilaksanakan mengikut kuantiti yang ditetapkan.
- Kualiti kerja kurang memuaskan.
- Kemudahan yang disediakan tidak disenggarakan.
- Perolehan kerja tidak menggunakan Jadual Kadar Harga Kerja-kerja Kecil terkini.

1.4. Bagi memastikan projek-projek kecil dilaksanakan dengan lebih efisien dan efektif, UPD hendaklah mempertimbangkan syor-syor berikut:

1.4.1. Pelaksanaan projek perlu dipantau dengan lebih berkesan bagi memastikan kuantiti dan kualiti kerja disiapkan mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

1.4.2. Kemudahan disediakan perlu disenggarakan secara berkala bagi memastikan kemudahan tersebut dapat berfungsi dengan baik.

1.4.3. Memberi kursus dan latihan yang berkaitan kepada juruteknik supaya kualiti kerja dapat dipertingkatkan.

2. YAYASAN ISLAM PERLIS

- **Karun Mestika Sdn. Bhd.**

2.1. Perlis Karun Mestika Sdn. Bhd. (Syarikat) adalah salah sebuah anak syarikat milik penuh Yayasan Islam Perlis (Yayasan). Syarikat telah diperbadankan di bawah Akta Syarikat, 1965 pada 4 Mac 1996 dengan modal berbayar RM2. Syarikat memulakan operasi pada tahun 2009 dengan modal yang dibenarkan berjumlah RM100,000. Aktiviti tunggal Syarikat adalah menjalankan perusahaan kuari tanah merah. Keluasan operasi kuari adalah 5.56 hektar di Mukim Guar Jentik, Perlis.

2.2. Syarikat mempunyai 2 orang Ahli Lembaga Pengarah yang terdiri daripada seorang Pengerusi dan seorang Pengarah. Pengurusan Syarikat diurus oleh Lembaga Pengarah yang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap perjalanan operasi Syarikat dan dibantu oleh seorang Pengurus Kuari Gred N17 dan seorang kakitangan Yayasan sebagai penyemak bayaran. Pendapatan utama Syarikat adalah hasil komisen daripada operasi kuari.

2.3. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Februari hingga Mac 2013 mendapati pada keseluruhannya prestasi kewangan Syarikat adalah memuaskan. Syarikat yang baru mengaktifkan semula operasinya mulai tahun 2009 telah memperoleh keuntungan sebelum cukai berjumlah RM20,864 pada tahun 2010, kerugian sebelum cukai sejumlah RM2,733 pada tahun 2011 dan kembali memperoleh keuntungan sebelum cukai sejumlah RM67,420 pada tahun 2012. Pengurusan aktiviti Syarikat pula adalah tidak memuaskan di mana beberapa kelemahan dikenal pasti yang perlu diberi perhatian seperti berikut:

- Tuggakan hasil komisen kuari adalah tinggi.
- Kawalan dalaman pungutan hasil adalah lemah.
- Kontrak Perjanjian pengurusan kuari dengan pihak pengusaha kuari tidak dibuat.
- Garis Panduan dan Prosedur Kerja masih belum diwujudkan

2.4. Bagi mempertingkatkan tahap pencapaian pengurusan Syarikat, adalah disyorkan Syarikat mengambil tindakan berikut:

2.4.1. Membuat tuntutan tuggakan komisen kuari terhadap Pengusaha dengan kadar segera.

2.4.2. Menyediakan Garis Panduan dan Prosedur Kerja yang lengkap dan meningkatkan kawalan dalaman pungutan hasil.

2.4.3. Mengikat kontrak perjanjian dengan Pengusaha bagi menjaga kepentingan Syarikat dan Yayasan.



AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

UNIT PENTADBIRAN DAERAH PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI

1. PENGURUSAN RANCANGAN/PROJEK KECIL

1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Unit Pentadbiran Daerah (UPD) merupakan Unit di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis dan bertanggungjawab untuk mewujudkan kesejahteraan rakyat, memperkuatkukan perpaduan masyarakat, menjamin keselamatan dan menjadi saluran antara Kerajaan dan rakyat. UPD juga bertanggungjawab untuk merancang, menyelaras, menilai, melaksana dan mengawas projek-projek kecil. Rancangan/projek kecil merupakan projek kecil infrastruktur awam bagi sesebuah kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) berdasarkan permohonan daripada setiap kawasan menggunakan peruntukan pembangunan tahunan. Objektif projek adalah untuk memastikan pembangunan sosioekonomi yang berterusan di setiap kawasan DUN.

1.1.2. Permohonan rancangan/projek kecil dibuat oleh Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) kepada UPD. Pemilihan projek bergantung kepada keperluan penduduk manakala pemilihan kontraktor adalah secara lantikan terus memandangkan nilai perolehan projek adalah di bawah RM20,000. Bagaimanapun tiada kriteria khusus ditetapkan bagi pemilihan projek yang perlu dilaksanakan.

1.1.3. UPD menggunakan Jadual Kadar Harga Kerja-kerja Kecil dan Membaiki (JKH) yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya untuk menentukan kadar harga projek. UPD tidak mempunyai garis panduan atau *Standard Operating Procedure (SOP)* bagi menjalankan aktiviti pemantauan kualiti kerja yang dijalankan oleh kontraktor.

1.1.4. Bagi tahun 2010 hingga 2012, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan berjumlah RM8.03 juta untuk rancangan/projek kecil kepada 15 DUN yang terdapat di Negeri Perlis. Sehingga Disember 2012, sejumlah RM7.96 juta atau 99.1% telah dibelanjakan bagi 698 projek. Antara projek yang dilaksanakan termasuklah kerja menaik taraf jalan, membina longkang, membekal bahan binaan bagi pembaikan rumah penduduk dan menaik taraf surau serta dewan orang ramai.

1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan rancangan/projek kecil telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan selaras dengan objektif yang ditetapkan.

1.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi projek-projek kecil di bawah Unit Pembangunan Daerah yang dilaksanakan pada tahun 2010 hingga 2012. Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod kewangan, fail dan dokumen projek, minit mesyuarat dan dokumen lain yang berkaitan. Lawatan Audit terhadap 23 projek melibatkan 10 kawasan DUN turut dijalankan bagi menilai tahap sebenar pencapaian projek. Temu bual dan perbincangan dengan pegawai projek dan wakil JKKK setempat juga dibuat.

1.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan mulai bulan Disember 2012 hingga Mac 2013 mendapati pada keseluruhannya pelaksanaan projek-projek kecil adalah memuaskan. Bagaimanapun beberapa kelemahan dikenal pasti yang memerlukan perhatian pihak Unit Pembangunan Daerah. Antara kelemahan yang diperhatikan ialah:

- Kerja tidak dilaksanakan mengikut kuantiti yang ditetapkan.
- Kualiti kerja kurang memuaskan.
- Kemudahan yang disediakan tidak disenggarakan.
- Perolehan kerja tidak menggunakan Jadual Kadar Harga Kerja-kerja Kecil terkini.

1.4.1. Prestasi Pelaksanaan Projek

1.4.1.1. Bagi tahun 2010 hingga tahun 2012, UPD telah merancang untuk melaksanakan 642 projek kecil. Sehingga tahun 2012, sebanyak 698 atau 108.7% projek telah berjaya dilaksanakan. Prestasi pelaksanaan projek adalah seperti di **Jadual 1.1**.

Jadual 1.1
Prestasi Pelaksanaan Projek Mengikut Tahun

Tahun	Bilangan Projek Dirancang	Bilangan Projek Dilaksana	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan Projek (RM Juta)
2010	200	244	2.60	2.55
2011	221	221	2.50	2.49
2012	221	233	2.93	2.92
Jumlah	642	698	8.03	7.96

Sumber: Unit Pentadbiran Daerah

1.4.1.2. Semakan Audit terhadap 350 atau 50.1% daripada 698 baucar bayaran pelaksanaan projek kerja bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 mendapati 105 atau 30.0% projek berjaya dilaksanakan mengikut jadual, 50 atau 14.3% projek lewat jadual manakala 195 atau 55.7% projek tidak mempunyai maklumat berkaitan tarikh perlu disiapkan. Butirannya adalah seperti di **Jadual 1.2**.

Jadual 1.2
Prestasi Pelaksanaan Projek Mengikut Tahun

Tahun	Projek Siap		Tiada Maklumat	Jumlah Projek
	Ikut Jadual	Lewat Jadual		
2010	45	26	51	122
2011	29	10	72	111
2012	31	14	72	117
Jumlah	105	50	195	350

Sumber: Unit Pentadbiran Daerah

1.4.1.3. Semakan Audit terhadap projek lewat jadual mendapati tempoh kelewatan projek adalah antara kurang 30 hari hingga 118 hari. Butiran kelewatan menyiapkan projek adalah seperti di **Jadual 1.3**. **Maklum balas daripada UPD bertarikh 22 April 2013, menyatakan antara punca kelewatan adalah disebabkan faktor hujan lebat dan kekurangan tenaga kerja di pihak kontraktor yang menjelaskan prestasi pelaksanaan projek.**

Jadual 1.3
Tempoh Kelewatan Projek Disiapkan

Tahun	≤ 30 hari	31 - 59 hari	60 - 89 hari	90 - 118 hari
2010	19	3	2	2
2011	8	1	1	-
2011	8	5	1	-
Jumlah	35	9	4	2

Sumber: Unit Pentadbiran Daerah

Pada pendapat Audit, prestasi pencapaian pelaksanaan projek adalah baik.

1.4.2. Kualiti Pelaksanaan Kerja

Lawatan Audit ke 23 projek yang dipilih mendapati 15 projek telah dilaksanakan dengan baik kecuali:

1.4.2.1. Kerja Tidak Dilaksanakan Mengikut Kuantiti Yang Ditetapkan

- Mengikut Senarai Kuantiti pembinaan tembok sayap (*wing wall*) pada kiri dan kanan kok pembetung perlu bagi menghalang tebing jalan daripada runtuh dan menyekat aliran air. Senarai kuantiti tersebut adalah bagi Projek Menurap Jalan Masuk Ke Tanah Perkuburan Awam Orang-orang Cina di Beseri Jaya. Harga membina tembok sayap (*wing wall*) pada kiri dan kanan kok pembetung telah dinyatakan secara pukal di dalam Senarai Kuantiti bersekali dengan kos kerja penurapan jalan yang berjumlah RM59,985. Jalan tersebut siap dibina pada 31.12.2012. Lawatan Audit ke Projek

Menurap Jalan Masuk ke Tanah Perkuburan Awam Orang-orang Cina di Beseri Jaya, Padang Malau, Beseri mendapati *wing wall* tidak dibina oleh kontraktor pada kiri dan kanan kok pembetung walaupun ada dinyatakan di dalam Senarai Kuantiti. Ketiadaan *wing wall* mengakibatkan kok pembetung hampir tertimbus oleh batu dan tanah dan boleh menyekat pengaliran air. Keadaan kok pembetung yang dibina tanpa *wing wall* adalah seperti di **Gambar 1.1** dan **Gambar 1.2**.



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Beseri Jaya, Beseri
 Tarikh: 21 Februari 2013



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Beseri Jaya, Beseri
 Tarikh: 21 Februari 2013

- b. **Dalam maklum balas bertarikh 22 April 2013, pihak UPD menyatakan bahawa juruteknik terlepas pandang beberapa keperluan lain yang perlu dilaksanakan iaitu kerja merobohkan dan membaiki tembok kubur, memasang penutup longkang dan pengadang besi di laluan keluar masuk. Sehubungan itu pada 27 Disember 2012 kerja *wing wall* telah diganti dengan kerja-kerja tersebut selepas pertimbangan wajar dibuat.**

1.4.2.2. Dinding Dewan Orang Ramai Tidak Dicat Sepenuhnya Dan Kawasan Tepi Dewan Tidak Diturap Secukupnya

- a. Mengikut Senarai Kuantiti, Dewan Orang Ramai Setia Bakti, Bintong hendaklah dicat dengan 2 lapisan cat emulsi pada permukaan berlepa di luar dan dalam dewan melibatkan kos berjumlah RM4,513. Manakala kawasan tepi bangunan hendaklah diturap dengan premix setebal 50mm dan dipadat dengan mesin penggelek seberat 6 tan. Jumlah keluasan kawasan yang perlu diturap adalah $98.75m^2$ melibatkan kos perolehan berjumlah RM3,552.
- b. Lawatan Audit pada Februari 2013 mendapati dinding sebelah dalam dewan tidak dicat dengan sempurna. Kerja mengecat hanya dilakukan pada bahagian dinding yang terlibat dengan kerja penyenggaraan sahaja. Bagaimanapun, dinding dewan tersebut telah dicat semula setelah mendapat teguran Audit. Keadaan dinding yang

tidak dicat sepenuhnya dan selepas dicat semula adalah seperti di **Gambar 1.3** dan **Gambar 1.4**.

- c. Pihak Audit juga mendapati kawasan tepi dewan hanya diturap seluas 57.2m^2 , kurang 41.55m^2 atau 42.1% daripada jumlah keluasan sepatutnya. Mengikut pengiraan Audit, UPD telah terlebih bayar sejumlah RM1,495 bagi kerja yang tidak dilaksanakan. Di samping itu kualiti bahan *premix* yang digunakan adalah kurang bermutu. Keadaan ini berlaku disebabkan kurangnya pemantauan oleh pegawai UPD. Bagaimanapun, kawasan tepi dewan tersebut telah diturap semula selepas mendapat teguran Audit. Keadaan kawasan yang diturap di tepi dewan adalah seperti di **Gambar 1.5** dan **Gambar 1.6**.

Gambar 1.3
Keadaan Dinding Di Dalam Dewan
Tidak Cat Sepenuhnya



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dewan Setia Bakti, Bintong
Tarikh: 13 Februari 2013

Gambar 1.4
Keadaan Dinding Yang Telah Dicat
Semula



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dewan Setia Bakti, Bintong
Tarikh: 20 Mei 2013

Gambar 1.5
Kawasan Tepi Dewan Tidak
Diturap Dengan Sempurna



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dewan Setia Bakti, Bintong
Tarikh: 13 Februari 2013

Gambar 1.6
Kawasan Tepi Dewan Yang Diturap
Semula



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dewan Setia Bakti, Bintong
Tarikh: 20 Mei 2013

Pada pendapat Audit, tahap pemantauan pelaksanaan projek oleh UPD perlu dipertingkatkan bagi memastikan kerja-kerja dilaksanakan dengan sempurna.

1.4.2.3. Kerja Pemasangan Longkang Tidak Sempurna

- a. Mengikut Senarai Kuantiti, longkang pencegah malaria yang dibina di Kampung Paya Senduk, Santan hendaklah bersaiz 450mm x 450mm, mempunyai ketebalan 75mm dan sepanjang 150 meter. Kos perolehan projek berjumlah RM14,469.00.
- b. Lawatan Audit mendapati longkang tersebut telah siap dibina mengikut kuantiti yang ditetapkan. Bagaimanapun, tahap kecerunan longkang tidak sekata menyebabkan pengaliran air longkang tidak lancar dan air bertakung di dalamnya. Takungan air di dalam longkang boleh menjadi tempat pembiakan nyamuk. Keadaan ini disebabkan kaedah pemasangan longkang yang tidak sempurna selain pemantauan kurang berkesan oleh pihak UPD. Keadaan longkang yang tidak sekata adalah seperti di **Gambar 1.7 hingga Gambar 1.9**.

Gambar 1.7
Keadaan Di Hulu Longkang Yang Kering



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Paya Senduk, Santan
Tarikh: 14 Februari 2013

Gambar 1.8
Keadaan Longkang Yang Terdapat Air Bertakung



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Paya Senduk, Santan
Tarikh: 14 Februari 2013



Gambar 1.9
Keadaan Di Tengah Longkang Yang Terdapat Air Bertakung

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Paya Senduk, Santan
Tarikh: 14 Februari 2013

1.4.2.4. Cat Dewan Dan Stor Telah Luntur Dan Tidak Kemas

- a. Bagi kerja Membaiki dan Mengecat Semula Dewan dan Stor Barang Kampung Ngulang Selatan di Mata Ayer, bahagian luar bangunan dewan dan stor tersebut

hendaklah dicat dengan 2 lapisan cat rintangan cuaca. Kos bagi kerja mengelat berjumlah RM4,743.

- b. Lawatan Audit pada 20 Februari 2013 mendapati cat pada dinding luar dewan telah luntur walaupun baru 6 bulan disiapkan, manakala kerja sapuan cat pada pintu dan tingkap dewan tidak dibuat dengan kemas. Bagaimanapun, dinding dewan telah dicat semula setelah mendapat teguran Audit. Keadaan cat pada dinding dewan sebelum teguran Audit dan selepas dicat semula adalah seperti di **Gambar 1.10** hingga **Gambar 1.13** dan keadaan cat di dinding stor yang telah luntur adalah seperti di **Gambar 1.14**.

Gambar 1.10
Pintu Dan Tingkap Dewan Orang
Ramai Tidak Dicat Dengan Kemas



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Ngulang Selatan
Tarikh: 20 Februari 2013

Gambar 1.11
Pintu Dan Tingkap Dewan Orang
Ramai Tidak Dicat Dengan Kemas



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Ngulang Selatan
Tarikh: 20 Februari 2013

Gambar 1.12
Pintu Dan Tingkap Dewan Orang
Ramai Setelah Dicat Dengan Semula



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Ngulang Selatan
Tarikh: 20 Mei 2013

Gambar 1.13
Pintu Dan Tingkap Dewan Orang
Ramai Setelah Dicat Semula



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Ngulang Selatan
Tarikh: 20 Mei 2013



Gambar 1.14
Cat Pada Dinding Bangunan Stor Yang
Telah Luntur

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Ngulang Selatan
Tarikh: 20 Februari 2013

1.4.2.5. Kualiti Turapan Jalan Tidak Memuaskan

- a. Mengikut Senarai Kuantiti, Jalan Dewan off Jalan Sabri Harun, Kampung Rambai, Pauh hendaklah diturap dengan lapisan *premix* setebal 50mm, termasuk cecair bitumen dan dimampatkan dengan mesin penggelek seberat 6 tan sepanjang 121m. Jumlah keluasan jalan yang perlu diturap ialah 295.24m² dengan kos RM10,619.
- b. Lawatan Audit mendapati kualiti *premix* jalan tersebut tidak memuaskan. Batu-batu kecil jelas kelihatan di atas permukaan jalan seperti di **Gambar 1.15** dan **Gambar 1.16** menunjukkan campuran *premix* berkualiti rendah dan kekurangan cecair bitumen. Sebagai penanda aras, pihak Audit membuat lawatan ke Jalan 1, Kampung Bakau, Kangar dan mendapati jalan telah diturap dengan lebih baik berbanding dengan Jalan Dewan off Jalan Sabri Harun di Kampung Rambai, Pauh. Keadaan fizikal jalan tersebut licin, padat dan tidak terdapat batu-batu kecil di permukaannya seperti di **Gambar 1.17** dan **Gambar 1.18**. Keadaan ini berlaku disebabkan penggunaan *binder course* sebagai kemasan akhir jalan mengakibatkan jalan tersebut mudah rosak dan tidak memberi keselesaan kepada pengguna.

Gambar 1.15
Keadaan Jalan Yang Telah Diturap



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Rambai, Pauh
Tarikh: 5 Mac 2013

Gambar 1.16
Batu-batu Kecil Kelihatan Di Permukaan
Jalan Yang Diturap



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Rambai, Pauh
Tarikh: 5 Mac 2013

Gambar 1.17
Keadaan Jalan Yang Telah Diturap



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Bakau, Kangar
Tarikh: 14 Februari 2013

Gambar 1.18
Keadaan Permukaan Yang Kelihatan Lebih Licin Dan Padat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Bakau, Kangar
Tarikh: 14 Februari 2013

Pada pendapat Audit, tahap kualiti kerja adalah kurang memuaskan dan masih boleh dipertingkatkan melalui penyeliaan kerja yang lebih rapi.

1.4.3. Kemudahan Yang Disediakan Tidak Disenggarakan

1.4.3.1. Semua kemudahan yang disediakan hendaklah disenggarakan dari semasa ke semasa bagi memanjangkan tempoh hayatnya serta dapat berfungsi sebagaimana dibina. Parit dan longkang perlu dibersihkan daripada sampah dan tumbuhan bagi memudahkan pengaliran air.

1.4.3.2. Lawatan Audit ke Pekan Simpang Empat, Kampung Al-Marhum Kayang, Kampung Paya Senduk dan Kampung Tasoh mendapati kerja membina parit tanah, longkang pencegah malaria dan stor simpanan barang telah siap dilaksanakan antara bulan Mei dan Jun 2012. Bagaimanapun, longkang pencegah malaria dan parit yang dibina tidak disenggarakan menyebabkan kawasan sekitar dilitupi semak dan tumbuhan menjalar. Keadaan ini menyebabkan pengaliran air tersekat. Stor simpanan barang pula tidak dibersihkan menyebabkan kawasan sekitar juga ditumbuhki semak dan tumbuhan menjalar.

1.4.3.3. Pihak Audit dimaklumkan oleh pegawai Unit Pentadbiran Daerah bahawa peruntukan penyenggaraan yang khusus bagi projek-projek kecil tidak disediakan dan tidak ada pihak yang dipertanggungjawabkan untuk penyenggaraan. Keadaan kemudahan yang terbiar dan tidak disenggarakan dengan baik adalah seperti di **Gambar 1.19 hingga Gambar 1.22**.

Gambar 1.19
Parit Tanah Yang Dibina Tidak Kelihatan Kerana Dililitupi Semak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Tasoh, Beseri
Tarikh: 21 Februari 2013

Gambar 1.20
Keadaan Longkang Yang Dilitupi Semak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Al-Marhum Kayang
Tarikh: 5 Februari 2013

Gambar 1.21
Keadaan Longkang Konkrit Yang Semak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Paya Senduk, Santan
Tarikh: 14 Februari 2013

Gambar 1.22
Kawasan Sekitar Stor Yang Dipenuhi Dengan Tumbuhan Menjalar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pekan Simpang Empat
Tarikh: 13 Februari 2013

Pada pendapat Audit, tahap kesedaran masyarakat setempat dalam membudayakan penyenggaraan berkala wajar digalakkan melalui penglibatan semua pihak dalam program anjuran bersama misalnya melalui program gotong-royong.

1.4.4. Penggunaan Jadual Kadar Harga Kerja-kerja Kecil Dan Membaiki

Penentuan harga kerja pembinaan dibuat berdasarkan Jadual Kadar Harga terkini yang dikemas kini setiap 2 tahun sekali oleh Bahagian Perolehan dan Khidmat Kos, Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan, Jabatan Kerja Raya setelah mendapat kelulusan Perbendaharaan Malaysia. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

1.4.4.1. Perolehan Tidak Menggunakan Jadual Kadar Harga Terkini

- a. Kerja pembinaan hendaklah dibuat berdasarkan Jadual Kadar Harga terkini yang telah diluluskan oleh Perbendaharaan Malaysia. UPD masih mengguna pakai JKH

Tahun 2009 bagi kerja-kerja yang dilaksanakan pada tahun 2012 walaupun JKH Tahun 2011 telah dikeluarkan. Penggunaan Jadual Kadar Harga Tahun 2009 menyebabkan terdapat perbezaan dalam penentuan kadar harga kerja dan mengakibatkan lebihan perbelanjaan berjumlah RM11,074 kepada Kerajaan seperti ditunjukkan di **Jadual 1.4**.

Jadual 1.4
Kerja Yang Dilaksanakan Dan Perbezaan Kos Yang Terlibat Bagi Projek Rancangan Kecil Tahun 2012

Bil.	Spesifikasi Kerja	Luas/ Panjang	Jadual Kadar Harga Tahun 2009		Jadual Kadar Harga Tahun 2011		Lebihan Kos (RM)
			Harga (RM)	Kos (RM)	Harga (RM)	Kos (RM)	
1.	Membekal dan memasang 450mm x 450mm longkang pencegah malaria 75mm tebal serta parit	150m	96.46/m ³	14,469.00	76.60/m ³	11,490.00	2,979
2.	Kerja-kerja membekal, labur dan enap tanah	416.16m ³	37.70/m ³	15,689.23	32.40/m ³	13,483.58	2,205
3.	Membekal dan memasang 600mm x 600mm longkang U 70mm ketebalan	62m	280.67/m	17,401.54	237.30/m	14,712.60	2,688
		25m	280.67/m	7,016.75	237.30/m	5,932.50	1,084
4.	Dinding baru – dinding bata campuran pasir dan simen 113mm tebal	83.45m ²	42.45/m ²	3,542.45	38.30/m ²	3,196.14	346
5.	Simen plaster biasa untuk permukaan baru	166.9m ²	15.99/m ²	2,668.73	14.00/m ²	2,336.6	332
6.	50mm tebal lapisan premix termasuk cecair bitumen dan dimampatkan dengan penggelek 6 tan	366m ²	35.97/m ²	13,165.02	29.08m ²	10,643.28	2,522
Jumlah Lebihan Kos Kepada Kerajaan							12,156

Sumber: Unit Pentadbiran Daerah

- b. **UPD dalam maklum balasnya bertarikh 22 April 2013, memaklumkan bahawa UPD menggunakan JKH Tahun 2009 disebabkan pegawai yang bertanggungjawab tidak menyedari kewujudan JKH terkini.**

Pada pendapat Audit, perolehan kerja-kerja kecil perlulah menggunakan Jadual Kadar Harga semasa.

1.4.5. Memecah Kecil Perolehan

Arahan Perbendaharaan 180.2(c) menghendaki kerja-kerja yang bernilai melebihi RM20,000 hingga RM200,000 hendaklah dipelawa secara sebut harga di kalangan kontraktor Kelas E yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) di bawah kepala dan sub-kepala berkaitan dan CIDB dalam gred dan kategori yang berkaitan. Jabatan adalah dilarang memecah kecilkan nilai kerja bagi mengelakkan pelawaan secara sebut harga. Arahan Perbendaharaan 168 membenarkan pengecualian daripada mana-mana peraturan yang

ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan dengan syarat mendapat kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

1.4.5.1. Semakan Audit mendapati perolehan bagi Kerja Membina Tambahan Dewan Orang Ramai Pekan Kaki Bukit, Titi Tinggi bernilai RM50,712 telah di pecah kecilkan kepada 3 skop kerja meliputi kerja pemasangan tingkap dan pintu, kerja pemasangan kerangka bumbung dan kerja pemasangan kepingan bumbung. Kerja-kerja ini telah diberikan kepada 2 kontraktor berasingan seperti di **Jadual 1.6**. Tiada bukti menunjukkan kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri telah diperoleh untuk tujuan tersebut. Kerja membina tambahan dewan yang dilaksanakan adalah seperti di **Gambar 1.23** hingga **Gambar 1.25**.

1.4.5.2. **UPD dalam maklum balasnya bertarikh 22 April 2013, menyatakan kerja tersebut merupakan permohonan jangka pendek daripada ADUN di kawasan tersebut dan tiada perancangan khusus untuk pembinaan tambahan dewan. Kerja tersebut dilaksana menggunakan baki peruntukan dari kawasan DUN yang lain.**

Jadual 1.5

Butiran Kerja Tambahan Dewan Orang Ramai Pekan Kaki Bukit, Titi Tinggi Yang Dipecahkecilkan

Bil.	Skop Kerja	Tarikh Siap Kerja	Jumlah (RM)
1.	Bekal dan pasang tingkap aluminium, pintu, jerejak (<i>grille</i>), dinding, simen plaster untuk permukaan baru	16.04.2012	19,337
2.	Bekal dan pasang kerangka bumbung, tiang konkrit, <i>hardcore</i> , acuan konkrit, lantai, dinding dan jerejak	26.06.2012	19,854
3.	Bekal dan pasang kerangka dan kepingan bumbung	24.12.2012	11,520
Jumlah Besar			50,712

Sumber: Unit Pentadbiran Daerah

Gambar 1.23
Kerja Memasang Tingkap Aluminium, Pintu Jerejak, Dinding Dan Simen Plaster Untuk Permukaan Baru



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dewan Orang Ramai, Pekan Tebing Tinggi
Tarikh: 4 Mac 2013

Gambar 1.24
Kerja Membekal Dan Memasang Kerangka Bumbung, Tiang Konkrit, Hardcore Acuan Konkrit, Lantai, Dinding Dan Jerejak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dewan Orang Ramai, Pekan Tebing Tinggi
Tarikh: 4 Mac 2013



Gambar 1.25
Kerja Membekal dan Memasang Kerangka Dan Kepingan Bumbung

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dewan Orang Ramai, Pekan Tebing Tinggi
Tarikh: 4 Mac 2013

Pada pendapat Audit, Unit Pentadbiran Daerah perlulah memastikan prosedur perolehan dipatuhi sepenuhnya.

1.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan projek-projek kecil dilaksanakan dengan lebih efisien dan efektif, UPD hendaklah mempertimbangkan syor-syor berikut:

- 1.5.1.** Pelaksanaan projek perlu dipantau dengan lebih berkesan bagi memastikan kuantiti dan kualiti kerja disiapkan mengikut spesifikasi yang ditetapkan.
- 1.5.2.** Kemudahan disediakan perlu disenggarakan secara berkala bagi memastikan kemudahan tersebut dapat berfungsi dengan baik.
- 1.5.3.** Memberi kursus dan latihan yang berkaitan kepada juruteknik supaya kualiti kerja dapat dipertingkatkan.

YAYASAN ISLAM PERLIS

2. KARUN MESTIKA SDN. BHD.

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Karun Mestika Sdn. Bhd. (Syarikat) adalah salah sebuah anak syarikat milik penuh Yayasan Islam Perlis (Yayasan). Syarikat telah diperbadankan di bawah Akta Syarikat, 1965 pada 4 Mac 1996 dengan modal berbayar RM2. Syarikat memulakan operasi pada tahun 2009 dengan modal yang dibenarkan berjumlah RM100,000. Aktiviti tunggal Syarikat adalah menjalankan perusahaan kuari tanah merah. Keluasan operasi kuari adalah 5.56 hektar di Mukim Guar Jentik, Perlis.

2.1.2. Syarikat mempunyai 2 orang Ahli Lembaga Pengarah yang terdiri daripada seorang Pengurus dan seorang Pengarah. Pengurusan Syarikat diurus oleh Lembaga Pengarah yang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap perjalanan operasi Syarikat dan dibantu oleh seorang Pengurus Kuari Gred N17 dan seorang kakitangan Yayasan sebagai penyemak bayaran. Pendapatan utama Syarikat adalah hasil komisen daripada operasi kuari.

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan Syarikat memuaskan atau sebaliknya, pengurusan aktiviti dan kewangan serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur serta selaras dengan objektif penubuhannya.

2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan yang dijalankan adalah meliputi aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti, pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat. Pengauditan dijalankan dengan meneliti dokumen, fail serta rekod yang berkaitan bagi tempoh 3 tahun iaitu tahun 2010 hingga 2012. Penyata Kewangan yang diaudit bagi tahun kewangan 2010 hingga 2012 digunakan untuk analisis kewangan merangkumi nisbah dan trend. Di samping itu, temu bual dan perbincangan diadakan dengan pegawai yang berkenaan. Lawatan tapak turut dijalankan bagi mendapatkan gambaran yang lebih tepat mengenai aktiviti Syarikat.

2.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Februari hingga Mac 2013 mendapati Syarikat telah mengaktifkan semula operasinya mulai tahun 2009 dengan memperoleh keuntungan sebelum cukai berjumlah RM20,864 pada tahun 2010, kerugian sebelum cukai sejumlah RM2,733 pada tahun 2011 dan kembali memperoleh keuntungan sebelum cukai sejumlah RM67,420 pada tahun 2012. Bagaimanapun angka-angka tersebut belum muktamad kerana

penyata kewangan bagi tahun berkaitan belum selesai diaudit. Pengurusan aktiviti Syarikat pula adalah tidak memuaskan di mana beberapa kelemahan dikenal pasti yang perlu diberi perhatian seperti berikut:

- Tunggakan hasil komisen kuari adalah tinggi.
- Kawalan dalaman pungutan hasil adalah lemah.
- Kontrak Perjanjian pengurusan kuari dengan pihak pengusaha kuari tidak dibuat.
- Garis Panduan dan Prosedur Kerja masih belum diwujudkan

2.4.1. Prestasi Kewangan

2.4.1.1. Penilaian Terhadap Penyediaan Penyata Kewangan

- a. Penyata Kewangan merupakan asas bagi menilai prestasi kewangan dan kedudukan sesebuah syarikat. Ahli Lembaga Pengarah hendaklah meneliti dan mendalami penyata kewangan bagi menentukan kedudukan kewangan Syarikat berada dalam keadaan baik dan teguh. Artikel 169 Akta Syarikat 1965 menghendaki Pengarah menyediakan dan seterusnya membentangkan penyata kewangan yang telah diaudit berserta Laporan Pengarah pada Mesyuarat Agung Tahunan. Artikel 165 (4) Akta Syarikat 1965 menghendaki Penyata Tahunan Syarikat ditandatangani oleh Pengarah atau Pengurus Syarikat, dikemukakan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dalam masa 1 bulan selepas Mesyuarat Agung Tahunan. Kegagalan mematuhi peraturan boleh mengakibatkan setiap Lembaga Pengarah secara peribadi dikenakan penalti penjara 5 tahun atau denda RM30,000 seperti yang dinyatakan di Artikel 171 Akta Syarikat 1965.
- b. Pengauditan yang dijalankan mendapati, penyata kewangan Syarikat bagi tempoh tahun 2009 hingga 2012 sedang diaudit oleh Juruaudit yang dilantik. Semakan selanjutnya mendapati sehingga tahun 2012, penyata kewangan terakhir yang dikemukakan kepada SSM ialah penyata kewangan tahun 1999. Penyata Kewangan tersebut telah di bentang dalam Mesyuarat Agung pada 29 September 1999. Bagi penyata kewangan tahun 2000 hingga 2008, penyata kewangan ada disediakan dan telah diaudit. Bagaimanapun penyata kewangan berkenaan tidak dikemukakan kepada pihak SSM kerana bagi tempoh tersebut Syarikat adalah berstatus dorman.

2.4.1.2. Penilaian Terhadap Kedudukan Kewangan

Prestasi Syarikat diukur berdasarkan maklumat daripada Penyata Kewangan yang telah diaudit. Analisis kewangan dijalankan bertujuan menilai prestasi kewangan syarikat bagi tahun semasa berbanding tahun sebelumnya melalui analisis nisbah seperti nisbah

semasa, margin keuntungan, nisbah pulangan ke atas aset dan nisbah pulangan ke atas ekuiti. Memandangkan Penyata Kewangan Syarikat hanya diaudit setakat 2008, penilaian terhadap prestasi kewangan Syarikat bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 tidak dapat dibuat walaupun Syarikat ada menyediakan Akaun Pengurusan Syarikat setiap tahun. Pihak Syarikat hendaklah berusaha dengan lebih gigih untuk menyediakan Penyata Kewangan untuk diaudit dan mengemukakannya kepada pihak SSM. Sebagai sebuah agensi Kerajaan Negeri, Yayasan hendaklah memastikan Penyata Kewangan anak syarikat diaudit setiap tahun.

Pada pendapat Audit, prestasi penyediaan penyata kewangan adalah tidak memuaskan kerana penyata kewangan bagi tahun 2009 hingga 2012 masih belum siap disediakan.


2.4.2. Pengurusan Aktiviti

2.4.2.1. Aktiviti utama Syarikat adalah menjalankan perusahaan kuari pengeluaran tanah merah selaras dengan objektif yang telah ditetapkan dalam *Memorandum Of Association*. Sejak ditubuhkan pada tahun 1996 sehingga tahun 2008, Syarikat tidak menjalankan sebarang aktiviti. Aktiviti Syarikat mula dijalankan pada tahun 2009 setelah mengambil alih operasi kuari daripada Yayasan. Permit yang digunakan adalah milik Yayasan. Kuari di lokasi ini telah beroperasi sejak tahun 1999 di bawah pengurusan Yayasan. Keluasan kuari adalah 5.56 hektar dan terletak di Lot PT 3650, Mukim Guar Jentik di atas tanah milik Kerajaan Negeri Perlis. Bahan batuan (tanah merah) yang dikeluarkan adalah khusus untuk kegunaan tempatan. Semakan Audit terhadap pengurusan perusahaan kuari mendapatkan:


a. Pemilihan Tapak Dan Pengusaha Kuari

- i. Pemilihan kawasan hendaklah berdasarkan kepada kriteria-kriteria pemilihan tapak dari aspek bahan batu sedia ada, kejuruteraan, persekitaran dan ekonomi dan berpandukan kaedah pemilihan yang terdapat di dalam Garis Panduan Jabatan Alam Sekitar (JAS). Selain itu, kriteria-kriteria pemilihan tapak serta lokasi perlu mengambil kira jarak dari kawasan pembangunan sedia ada, kemudahan laluan masuk, kesesuaian guna tanah, kepadatan penduduk yang rendah dan ketiadaan kepentingan arkeologi, sejarah mahupun budaya. Adalah didapati pemilihan kawasan di Jalan Guar Jentik, Perlis adalah berdasarkan kaedah pemilihan dalam Garis Panduan JAS. Kuari ini terletak kira-kira 11 km dari pusat bandar Kangar. Daripada pemerhatian dan lawatan tapak, kepadatan penduduk adalah rendah dan kawasan perkampungan agak jauh dari kawasan projek. Selain itu, tapak projek mudah dimasuki mengikut Jalan Guar Jentik. Kedudukan serta keadaan kuari adalah seperti di **Gambar 2.1** hingga **Gambar 2.5**.

Gambar 2.1
Kedudukan Dan Pelan Tapak Kuari
Lot Pt 3650, Guar Jentik.
13.739 Ekar



Sumber: Google Map
Lokasi: Guar Jentik, Beseri
Tarikh: 5 Februari 2013



Sumber: Pelan Kuari
Lokasi: Guar Jentik, Beseri
Tarikh: 5 Februari 2013

Gambar 2.2
Papan Tanda Kuari



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kuari Guar Jentik
Tarikh: 5 Februari 2013

Gambar 2.3
Kawasan Kuari



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kuari Guar Jentik
Tarikh: 5 Februari 2013

Gambar 2.4
Jalan Masuk Dan Jalan Keluar Kuari



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kuari Guar Jentik
Tarikh: 5 Februari 2013

Gambar 2.5
Jalan Masuk Dan Jalan Keluar Kuari



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kuari Guar Jentik
Tarikh: 5 Februari 2013

- ii. Syarikat tidak menjalankan operasi kuari sendiri sebaliknya telah melantik sebuah syarikat pengusaha (Pengusaha) untuk menjalankan aktiviti bagi pihak Syarikat. Keadaan ini adalah kerana Syarikat mengalami kekurangan modal memandangkan kos untuk menjalankan operasi kuari adalah tinggi di samping tiada kepakaran dalam bidang berkenaan. Sehubungan dengan itu, pemilihan kontraktor berdasarkan faktor tawaran harga yang menguntungkan Syarikat adalah penting dalam membantu Syarikat meningkatkan pendapatan.
- iii. Berdasarkan temu bual dengan pegawai Yayasan, pihak Audit mendapati pelantikan Pengusaha telah dibuat oleh pihak Yayasan dan pemilihan Pengusaha berkenaan telah dibuat secara rundingan terus.

b. Pelaksanaan Perjanjian Kuari

Perjanjian pengurusan kuari adalah penting untuk memastikan kepentingan Yayasan selaku pemegang saham terjamin. Antara klausa yang perlu dimasukkan ialah tempoh perjanjian, semakan semula perjanjian dan semakan kadar komisen. Semakan Audit mendapati, tiada Perjanjian Pengurusan Kuari ditandatangani antara pihak Syarikat dan Pengusaha. Semakan Audit mendapati, kadar komisen kepada Syarikat adalah sebanyak RM7.00/lori besar bertayar 6 (6 meter padu) atau RM3.50/lori kecil (3 meter padu). Penetapan kadar adalah berdasarkan persetujuan melalui surat menyurat antara Yayasan dan Pengusaha. Kadar tersebut telah digunakan sejak Syarikat mengambil alih kuari daripada Yayasan iaitu pada tahun 2009. Semakan selanjutnya mendapati pada 30 Jun 2010, Pengusaha telah memohon pengurangan bayaran komisen daripada Yayasan dari RM7.00 kepada RM5.00 atas alasan terpaksa menanggung kos operasi yang tinggi. Bagaimanapun, Mesyuarat Pengurusan Yayasan yang diadakan pada 2 Julai 2010 telah menolak permohonan tersebut. Semakan Audit juga mendapati, tiada kajian semula kadar komisen dilaksanakan bersesuaian dengan perkembangan dan kadar kos semasa.

c. Pematuhan Syarat Dan Kesan Operasi

- i. Bagi tujuan mengeluarkan, mengambil dan memindah tanah merah, setiap pengusaha haruslah mengikut prosedur dan syarat yang ditetapkan. Selain itu, pengusaha hendaklah mematuhi syarat lesen kecil dan permit supaya kesan operasi terhadap alam sekitar dapat dikurangkan. Permohonan memperbaharui permit adalah tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat teknikal yang telah ditetapkan oleh Jabatan-jabatan Teknikal. Syarat utama yang perlu dipatuhi ialah penyediaan Pelan Kawalan Hakisan dan Kelodak (ESCP) yang disediakan oleh Jurutera Perunding yang berdaftar mengikut kehendak Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) dan Jawatankuasa Ops-Lumpur. Selain itu, syarikat juga perlu memperoleh permit penggunaan jalan daripada Jabatan Kerja Raya sebelum permit mengambil bahan batuan dikeluarkan. Syarikat juga bertanggungjawab di atas kekotoran dan kerosakan jalan yang digunakan dan hendaklah memperbaiki

dan membayar pampasan terhadap setiap kerosakan. Di samping itu juga, Syarikat perlu membuat bayaran Deposit bagi memenuhi kehendak Seksyen 74 (a) Kanun Tanah Negara iaitu RM10,000 bagi Kuari Tanah dan mematuhi beberapa syarat tambahan lain.


- ii. Lawatan Audit ke tapak kuari pada 5 Februari 2013 mendapati aktiviti kuari telah dihentikan sejak Januari 2013 kerana tempoh permit beroperasi untuk mengeluarkan, mengambil dan mengangkut bahan batuan telah tamat pada penghujung tahun 2012. Semakan selanjutnya mendapati, sehingga Mac 2013 permohonan memperbaharui permit untuk tahun 2013 masih belum diluluskan oleh Pejabat Tanah Dan Galian memandangkan Pelan ESCP masih dalam proses penyediaan oleh pihak Juru Perunding. Sepanjang tempoh tersebut tiada aktiviti kuari dijalankan mengakibatkan hasil kuari tidak dapat dikutip.
- iii. Lawatan Audit juga mendapati prosedur dan syarat-syarat lain yang ditetapkan telah dipatuhi dengan sewajarnya. Sebuah pejabat operasi diletakkan di kawasan pintu masuk ke kuari. Sebuah kolam takungan air untuk membersihkan tayar lori ada disediakan di jalan keluar bertujuan membersihkan tayar lori ketika musim hujan sebelum keluar ke jalan raya. Keadaan kuari adalah seperti di **Gambar 2.6** hingga **Gambar 2.9**.

Gambar 2.6
Pejabat Operasi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kuari Guar Jentik
Tarikh: 5 Februari 2013

Gambar 2.7
Kolam Takungan Untuk
Membasuh Tayar Lori




Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kuari Guar Jentik
Tarikh: 5 Februari 2013

Gambar 2.8
Lori 6 Tan Milik Pengusaha



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kuari Guar Jentik
Tarikh: 5 Februari 2013

Gambar 2.9
Traktor Milik Pengusaha



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kuari Guar Jentik
Tarikh: 5 Februari 2013

d. Tunggakan Komisen Kuari

- Perkiraan kuantiti bahan batuan yang dibawa keluar adalah dalam kiraan meter padu atau bilangan trip lori. Pembayaran komisen kepada Syarikat adalah sebanyak RM7.00/lori besar bertayar 6 (6 meter padu) atau RM3.50/lori kecil (3 meter padu) bagi setiap trip.
- Semakan Audit terhadap akaun Penghutang Syarikat bagi tempoh berakhir 31 Disember 2009 hingga 2012 mendapati bahawa tunggakan komisen kuari Pengusaha adalah berjumlah RM157,328. Analisis Audit mendapati pihak Pengusaha hanya membuat bayaran antara 38% hingga 60% daripada jumlah tuntutan oleh Syarikat. Semakan Audit selanjutnya mendapati tiada bukti menunjukkan Syarikat berusaha menuntut tunggakan hasil berkenaan. Kegagalan pihak Syarikat mengambil tindakan segera membuat tuntutan mengikut had tempoh tertentu boleh mengakibatkan tunggakan hasil terhapus berdasarkan Akta Had Masa 1953. Butiran terperinci tunggakan komisen adalah seperti di **Jadual 2.1**.

Jadual 2.1
Tunggakan Komisen Bagi Tempoh Tahun 2009 Hingga 2012

Bil.	Tahun	Tunggakan Komisen Pada 1 Januari (RM)	Komisen Kuari Tahun Semasa (RM)	Jumlah Bayaran (RM)	Bayaran (%)	Tunggakan Komisen Pada 31 Disember (RM)
1.	2009	-	43,361	26,000	59.96	17,361
2.	2010	17,361	103,292	53,000	51.31	67,653
3.	2011	67,653	58,852	32,000	54.37	94,506
4.	2012	94,506	101,822	39,000	38.30	157,328

Sumber: Rekod Syarikat

e. Pemantauan Terhadap Operasi Kuari

i. Kurang Pemantauan Terhadap Aktiviti Mengangkut Keluar Bahan Kuari

Bagi tujuan pengiraan trip, setiap lori yang keluar daripada kuari dengan muatan bahan kuari dikehendaki mengambil tiket muatan daripada penjaga kuari. Sehubungan dengan itu, penyerahan tiket muatan hendaklah dikawal sendiri oleh pihak Syarikat secara berterusan memandangkan punca utama pendapatan Syarikat adalah hasil komisen daripada pengangkutan keluar bahan kuari. Semakan Audit mendapati sepanjang tahun 2012, urusan penyerahan tiket muatan dijalankan sepenuhnya oleh pihak Pengusaha.

ii. Rekod Pengeluaran Bahan Batuan Tidak Lengkap Dan Tidak Kemas Kini

Rekod pengeluaran bahan batuan hendaklah diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Syarikat hendaklah sentiasa menambah baik prosedur kerja berhubung kawalan pemindahan batu batan sama ada kawalan fizikal mahupun kawalan dokumentasi seperti penggunaan doket dan penyata bulanan supaya pengiraan komisen adalah tepat dan teratur. Mengikut prosedur, Rekod Pengeluaran Bahan Batuan hendaklah diisi pada setiap masa pada awal setiap bulan. Antara catatan yang terdapat dalam rekod tersebut adalah Tarikh, No. Lori, Masa, Kuantiti (dalam meter padu) dan Nombor Tiket pengeluaran bahan batuan. Semakan Audit pada Februari 2013 terhadap Rekod Pengeluaran Bahan Batuan mendapati rekod hanya diselenggarakan setakat 10 September 2012 kerana operasi Syarikat telah dihentikan pada masa berkenaan.

iii. Tiada Kawalan Terhadap Buku Doket

Sebagai kawalan dalaman, buku doket hendaklah dikawal dan disemak dari segi penyimpanan dan penggunaannya bagi mengelak penyalahgunaan. Kesemua tiket muatan yang diperoleh dari Pejabat Tanah Dan Galian (PTG) hendaklah direkodkan dan pengeluarannya hendaklah dikawal mengikut siri bagi memastikan tiada ketirisan hasil. Semakan Audit mendapati buku doket yang diterima daripada PTG tidak direkodkan ke dalam daftar. Semakan Audit juga mendapati, stok buku doket yang masih belum digunakan disimpan oleh pihak Pengusaha.

Pada pendapat Audit, pengurusan aktiviti Syarikat adalah kurang memuaskan disebabkan tuggakan hasil komisen kuari yang tinggi dan kawalan pungutan hasil yang lemah.

2.4.3. Tadbir Urus Korporat

Tadbir urus korporat merujuk kepada proses bagaimana Syarikat ditadbir dan dikawal demi mencapai matlamat strategik dan objektif operasi. Sehubungan dengan itu, Syarikat dikehendaki mematuhi Akta Syarikat 1965 dan peraturan lain yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti, Lembaga Hasil Dalam Negeri dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Selain itu, Syarikat Kerajaan juga dikehendaki mematuhi peraturan yang dikeluarkan oleh Kerajaan/Agenzi Kerajaan yang berkaitan. Sebagai penambahbaikan terhadap prestasi dan amalan terbaik Syarikat Kerajaan, Program Transformasi GLC (*Goverment Link Companies*) telah dilancarkan oleh Kerajaan sebagai dasar dan garis panduan untuk diguna pakai oleh Syarikat Kerajaan bagi menyediakan persekitaran untuk meningkatkan prestasinya. Lembaga Pengarah hendaklah mengamalkan tadbir urus korporat yang baik dalam menentukan hala tuju dan menguruskan perniagaan dan hal-ehwal Syarikat selari dengan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia. Pengauditan terhadap tadbir urus Syarikat mendapati perkara seperti berikut:

2.4.3.1. Garis Panduan Dan Prosedur Kerja (*Standard Operating Procedures*)

Garis panduan dan prosedur kerja (SOP) merupakan dokumen utama menerangkan secara lengkap setiap operasi yang dijalankan oleh syarikat bertujuan menyeragamkan urusan dan operasi harian sesebuah syarikat serta dijadikan asas rujukan pegawai dan kakitangan Syarikat. Semakan Audit mendapati sehingga Disember 2012, Syarikat masih belum mempunyai SOP berhubung operasi harian, terutama pengurusan kewangan, perakaunan, perolehan dan juga aset.

2.4.3.2. Peranan Ahli Lembaga Pengarah

- a. Mengikut Amalan Terbaik, setiap Ahli Lembaga Pengarah yang dilantik hendaklah diberi surat pelantikan yang menjelaskan fungsi serta tanggungjawab yang perlu dijalankan. Selain itu, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1985 menghendaki semua pegawai Kerajaan yang dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah, berperanan dan bertanggungjawab seperti berikut:
 - i. Bertanggungjawab memastikan dasar-dasar am Kerajaan dan objektif korporat dilaksanakan; dan
 - ii. Melaporkan segala aktiviti Syarikat kepada Yayasan setiap kali selepas Mesyuarat Lembaga Pengarah. Pegawai yang bertanggungjawab hendaklah menyediakan laporan sekurang-kurangnya 3 bulan sekali.
- b. Semakan Audit mendapati Syarikat tidak menyediakan secara khusus dan bertulis peranan serta mandat yang perlu dilaksanakan oleh setiap Ahli Lembaga Pengarah yang dilantik. Ini menyukarkan Ahli Lembaga Pengarah memberi perhatian secukupnya kepada tanggungjawab teras selain memberi tumpuan kepada peranan

penting agar dapat berperanan dengan lebih aktif dan sewajarnya. Semakan Audit juga mendapati tiada bukti menunjukkan wakil Yayasan yang dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah ada menyediakan laporan berhubung aktiviti Syarikat sekurang-kurangnya 3 bulan sekali untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Yayasan.

2.4.3.3. Mesyuarat Lembaga Pengarah

Mesyuarat Lembaga Pengarah perlu diadakan untuk membincang dan mempertimbangkan pelbagai perkara penting termasuk kajian penyata kewangan dan prestasi keseluruhan Syarikat, bajet, penilaian risiko, pelaburan utama dan lain-lain perkara yang difikirkan perlu. Ahli Lembaga Pengarah bertanggungjawab secara bersama bagi semua keputusan Lembaga dan semua kegiatan Syarikat. Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998 dan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1985 menetapkan Lembaga Pengarah bermesyuarat sekurang-kurangnya 3 bulan sekali dan menyediakan laporan setiap kali selepas mesyuarat berhubung dengan perjalanan badan-badan tersebut kepada Yayasan. Semakan Audit mendapati tiada bukti menunjukkan Mesyuarat Lembaga Pengarah telah diadakan berdasarkan ketiadaan minit mesyuarat.

2.4.3.4. Mesyuarat Agung Tahunan

Artikel 143 Akta Syarikat 1965 menghendaki syarikat mengadakan Mesyuarat Agung pada setiap tahun dan tidak lebih dari 15 bulan selepas mengadakan Mesyuarat Agung yang lepas. Bagaimanapun, syarikat boleh memohon daripada Pendaftar Syarikat untuk melanjutkan tempoh mengadakan Mesyuarat Agung atas alasan tertentu. Keingkaran mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan akan dikenakan penalti sebanyak RM5,000 manakala penalti ingkar sebanyak RM100. Selain itu, Artikel 42 Memorandum dan Artikel Penubuhan Syarikat juga menghendaki Mesyuarat Agung diadakan selaras dengan kehendak peruntukan dalam Akta Syarikat 1965. Semakan Audit mendapati Mesyuarat Agung tidak dijalankan bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012. Semakan lanjut audit juga mendapati bagi tahun 2009 Mesyuarat Agung tidak dijalankan.

2.4.3.5. Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993 menghendaki Syarikat menubuhkan satu Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan bertujuan memelihara kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham. Antara tujuan penubuhan Jawatankuasa ini adalah untuk menentukan sumber kewangan Syarikat diurus dengan cekap dan berkesan untuk memenuhi objektif korporat dan sosial. Jawatankuasa ini juga berperanan untuk memastikan peruntukan statutori seperti yang di wajibkan oleh Akta Syarikat 1965 sentiasa dipatuhi sepenuhnya dan dikehendaki bermesyuarat sekurang-kurangnya 3 kali dalam tempoh 3 bulan atau seperti yang ditetapkan oleh Pengerusinya. Semakan Audit mendapati, Syarikat belum menubuhkan Jawatankuasa Audit sebagaimana yang ditetapkan oleh pekeliling berkenaan. Bagi tempoh 2009 hingga 2012, Syarikat ini juga tidak pernah diaudit oleh mana-mana pihak termasuk Yayasan. Bagaimanapun, pihak

Audit dimaklumkan bahawa tugas pengauditan akan dijalankan oleh Unit Audit Dalam Kerajaan Negeri.

2.4.3.6. Kawalan Bajet

Ahli Lembaga Pengarah bertanggungjawab memastikan Syarikat mempunyai dasar dan peraturan kewangan serta perakaunan yang sempurna yang telah diluluskan mengikut undang-undang dan peraturan lain bagi mengurus pendapatan dan perbelanjaan serta aset Syarikat. Syarikat dikehendaki menyedia dan mengemukakan bajet untuk pertimbangan dan kelulusan Lembaga Pengarah Syarikat dan Yayasan dengan membentangkan sepenuhnya keperluan perbelanjaan serta menyatakan punca kewangan sama ada daripada pendapatan sendiri atau dari punca-punca lain yang akan digunakan untuk membiayai perbelanjaan yang dicadangkan. Semakan Audit mendapati Syarikat tidak menyediakan bajet tahunan untuk pembentangan serta kelulusan Lembaga Pengarah Syarikat dan juga Yayasan untuk tempoh tahun 2009 hingga 2012.

2.4.3.7. Pembayaran Dividen Kepada Pemegang Saham

Berdasarkan kepada Artikel 96 Memorandum dan Artikel Penubuhan Syarikat, Syarikat boleh mengumumkan pembayaran dividen dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah mengikut jumlah yang telah ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Syarikat. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1993 menjelaskan mengenai Dasar Dan Garis Panduan Mengenai Bayaran Dividen Oleh Syarikat-syarikat Kerajaan, dikeluarkan bertujuan mengadakan garis panduan mengenai bayaran dividen kepada Kerajaan sebagai pemegang saham oleh Syarikat-syarikat Kerajaan. Semakan Audit mendapati, Syarikat tidak membuat pembayaran dividen kepada Yayasan memandangkan Syarikat baru memulakan semula operasinya pada tahun 2009.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya tadbir urus korporat dan kawalan dalaman Syarikat adalah kurang memuaskan.

2.5. SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya, prestasi pengurusan dan kewangan Syarikat adalah kurang memuaskan. Bagi mempertingkatkan tahap pencapaian pengurusan Syarikat, adalah disyorkan Syarikat mengambil tindakan berikut:

2.5.1. Membuat tuntutan tunggakan komisen kuari terhadap Pengusaha dengan kadar segera.

2.5.2. Menyediakan Garis Panduan dan Prosedur Kerja yang lengkap dan meningkatkan kawalan dalaman pungutan hasil.

2.5.3. Mengikat kontrak perjanjian dengan Pengusaha bagi menjaga kepentingan Syarikat dan Yayasan.



PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan mendapati wujud beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah kurangnya latihan kepada pegawai terlibat serta tidak ada penyeliaan yang berkesan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor. Jika kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjelaskan pencapaian objektif aktiviti/program berkenaan serta menjelaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Beberapa Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di program/aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing dan memperoleh keuntungan seterusnya berupaya membayar dividen kepada Kerajaan Negeri.

Jabatan Audit Negara

Putrajaya

26 Jun 2013



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA
NO. 15, ARAS 1-5
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
62518 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

www.audit.gov.my